



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JB/31/2023**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA TERBUKA BAGI KERJA-KERJA
PEMBAIKAN PERALATAN PAM DAN KOMPONEN LAIN ITEM MEKANIKAL DAN
ELEKTRIKAL DI KOMPLEKS SUKAN AIR PRESINT 6, WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa dalam kalangan **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dalam Gred G3, Kategori : ME – Pengkhususan M22 (Sistem Pam)** dan pernah menyiapkan kerja yang serupa bernilai sekurang-kurangnya **RM50,000.00** bagi satu (1) kontrak dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **06 JUN 2023 (SELASA)**, jam **10.00 pagi** bertempat di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Blok D, Aras 5, Kompleks PPj**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran LPIPM, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **06 JUN 2023 (SELASA)** hingga **08 JUN 2023 (KHAMIS)** oleh wakil **Kontraktor/Syarikat** yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK dan STB**. Wakil **Kontraktor/Syarikat** adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **13 JUN 2023 (SELASA)**.
6. **Kontraktor/Syarikat** yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke spp@ppi.gov.my.
7. Kenyataan notis ini boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.


(Ir. MARZUKI BIN ABDULLAH)

Naib Presiden
Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya